

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN M.S.C. MALAYSIA CYBERCENTRE @ MERU RAYA
DI PADANG IPOH, PERAK
23 OKTOBER 2007

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI GHAZALI
MENTERI BESAR PERAK

YB DATO' SRI DR. JAMALUDIN JARJIS
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

YBHG TAN SRI ABDUL HALIM ALI
PENGERUSI MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULLILAH, SAYA MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA HADIR DI MAJLIS PELANCARAN 'M.S.C. MALAYSIA CYBERCENTRE @ MERU RAYA' INI.

2. SESUNGGUHNYA, PELANCARAN INI MEMBAWA ERTI YANG AMAT BESAR KEPADA KITA SEMUA. DENGAN PENGIKTIRAFAN MERU RAYA SEBAGAI SEBUAH 'CYBERCENTRE', ASPIRASI NEGERI PERAK UNTUK MEMBANGUNKAN EKONOMI BERLANDASKAN PENGETAHUAN SEMAKIN TERCAPAI. DI SAMPING ITU, PELANCARAN SATU LAGI CYBERCENTRE MERUPAKAN PETANDA BAIK YANG MEMBUKTIKAN KEMAJUAN 'M.S.C. MALAYSIA' SERTA INDUSTRI I.C.T. NEGARA KE TAHAP SETERUSNYA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

3. INISIATIF 'M.S.C. MALAYSIA' DILAKSANAKAN DENGAN TUJUAN UNTUK MEMACU TRANSFORMASI EKONOMI NEGARA KEPADA EKONOMI BERLANDASKAN PENGETAHUAN. 'M.S.C. MALAYSIA' JUGA BERPERANAN UNTUK MEMANGKINKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI I.C.T. NEGARA SERTA MENGGALAKKAN PENGGUNAAN I.C.T. DI KALANGAN RAKYAT.

4. ALHAMDULLILLAH, SETELAH LEBIH 11 TAHUN DILANCARKAN, INISIATIF 'M.S.C. MALAYSIA' TELAH BERKEMBANG MAJU DAN BERJAYA MENCAPAI MATLAMAT ASALNYA. BILANGAN SYARIKAT ANTARABANGSA DAN TEMPATAN BERSTATUS 'M.S.C. MALAYSIA' TELAH BERTAMBAH BERLIPATKALI-GANDA. KINI, JUMLAHNYA

TELAH MENCECAH LEBIH 1,900 BUAH SYARIKAT. NILAI EKSPORT PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN I.C.T. TELAH JUGA MENINGKAT KEPADA KIRA-KIRA 2.7 BILION RINGGIT.

5. DI SAMPING ITU, PELUANG-PELUANG PEKERJAAN YANG DITAWARKAN DI KAWASAN BERSTATUS 'M.S.C. MALAYSIA' TELAH BERTAMBAH. KINI, LEBIH DARIPADA 50,000 PEKERJAAN TELAH DIWUJUDKAN, DI MANA LEBIH 90 PERATUS DARIPADANYA TERDIRI DARIPADA PEKERJAAN BERNILAI TINGGI. APLIKASI I.C.T. YANG MEMBERI KHIDMAT KEPADA RAKYAT SEPerti PERKHIDMATAN ELEKTRONIK (E-SERVICES), PEMBELAJARAN ELEKTRONIK (E-LEARNING) DAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ELEKTRONIK (TELE-HEALTH) TELAH JUGA DIPERKENALKAN DENGAN JAYANYA.

6. SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA, KITA BOLEH BERBANGGA DENGAN PELBAGAI PENCAPAIAN YANG DIBAWA OLEH INISIATIF 'M.S.C. MALAYSIA' INI. NAMUN DEMIKIAN, UNTUK MEMBAWA KEJAYAAN TERSEBUT KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI LAGI, LEBIH RAMAI RAKYAT MALAYSIA PERLU DILIBATKAN BERSAMA. KAWASAN BERSTATUS 'M.S.C. MALAYSIA' HARUS DIPERLUASKAN LAGI SUPAYA RAKYAT DI SELURUH NEGARA DAPAT MENIKMATI MANFAAT INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN I.C.T. YANG TERJAMIN MUTUNYA.

7. MAKA DENGAN ITU, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN BAGI MEMPERLUASKAN KAWASAN BERSTATUS 'M.S.C. MALAYSIA' KE SELURUH NEGARA. PELUASAN TERSEBUT AKAN DIJALANKAN SECARA BERPERINGKAT, BERMULA DENGAN PENGANUGERAHAN STATUS 'M.S.C. MALAYSIA CYBERCITY' DAN 'M.S.C. MALAYSIA CYBERCENTRE' KE KAWASAN-KAWASAN YANG MENEPATI KRITERIA TERTENTU.

8. DALAM FASA PERTAMA PELAKSANAAN INISIATIF 'M.S.C. MALAYSIA', SEBANYAK LIMA 'CYBERCITY' TELAH DIBANGUNKAN, TERMASUK BANDARAYA I.C.T. NEGARA DI CYBERJAYA. MANAKALA DALAM FASA KEDUA, DUA BUAH 'CYBERCITY' DAN TIGA BUAH 'CYBERCENTRE' TELAH DIBANGUNKAN. DENGAN PENGANUGERAHAN STATUS 'M.S.C. MALAYSIA CYBERCENTRE @ MERU RAYA' INI, MERU RAYA TELAH MENJADI CYBERCENTRE YANG TERBARU DALAM KELUARGA 'M.S.C. MALAYSIA'. SYABAS DIUCAPKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK SERTA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN USAHA INI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

9. DASAR 'K-PERAK-2010' YANG DIBANGUNKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PERAK MERUPAKAN SATU PELAN PERANCANGAN BAGI MELONJAKKAN NEGERI PERAK KE TAHAP NEGERI MAJU BERLANDASKAN PENGETAHUAN MENJELANG TAHUN 2020. MELALUI DASAR INI, KERAJAAN NEGERI TELAH BERJAYA MERANGKA SATU STRATEGI DAN PERANCANGAN YANG LENGKAP UNTUK MEMBUDAYAKAN I.C.T. DI NEGERI PERAK.

10. SAYA MENGANGGAP DASAR 'K-PERAK-2010' DAN PELUASAN KAWASAN 'M.S.C. MALAYSIA' DI MERU RAYA INI SEBAGAI INISIATIF-INISIATIF YANG TEPAT PADA MASANYA. INI ADALAH KERANA INISIATIF-INISIATIF TERSEBUT MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA BESAR UNTUK MEMBANGUNKAN NEGERI PERAK SERTA WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA.

11. SEPERTIMANA KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, 'WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA' TELAH DILANCARKAN PADA BULAN JULAI LEPAS. TUJUAN UTAMA KORIDOR UTARA ADALAH UNTUK MEMANGKINKAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL WILAYAH UTARA. SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA NEGERI YANG TERLIBAT DALAM KORIDOR UTARA, NEGERI PERAK TELAH DIPILIH SEBAGAI HUB PEMBANGUNAN MODAL INSAN.

12. SAYA YAKIN PENEKANAN TERHADAP PEMBANGUNAN I.C.T. DI NEGERI PERAK AKAN MENYOKONG MATLAMAT PEMBANGUNAN EKONOMI SERTA PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI NEGERI PERAK. SEMEMANGNYA, DALAM DUNIA MODEN BERTEKNOLOGI TINGGI, I.C.T. MERUPAKAN SALURAN INFORMASI DAN PEMBELAJARAN YANG UTAMA. UNTUK BERJAYA, KEMAHIRAN DALAM I.C.T. ADALAH SATU KEWAJIPAN, BUKAN LAGI SATU KEMEWAHAN.

13. OLEH KERANA I.C.T. MERUPAKAN ALAT DAN SALURAN YANG BEGITU PENTING DALAM DUNIA GLOBAL BERLANDASKAN PENGETAHUAN INI, KETIADAAN AKSES BOLEH MENJEJASKAN POTENSI PEMBANGUNAN INDIVIDU, NEGERI, WILAYAH, MAHUPUN NEGARA. SAYA YAKIN JIKA KAWASAN 'M.S.C. MALAYSIA' DAPAT DIPERLUASKAN KE LEBIH BANYAK KAWASAN DI SELURUH MALAYSIA, MAKA INFRASTRUKTUR DAN BUDAYA I.C.T. DAPAT BERKEMBANG JUGA. SECARA LANGSUNG, INI JUGA AKAN DAPAT MENGURANGKAN MASALAH JURANG DIGITAL YANG WUJUD.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

14. SAYA INGIN MENEGASKAN DI SINI BAHAWA USAHA-USAHA UNTUK MENARIK PELABURAN, SAMADA DARI DALAM MAHUPUN DARI LUAR NEGARA, HARUS DIRANCANG DENGAN BAIK SUPAYA HASILNYA JUGA BAIK. DENGAN PEMBANGUNAN LEBIH BANYAK CYBERCITY, CYBERCENTRE DAN TAMAN TEKNOLOGI DI SELURUH NEGARA, PERSAINGAN UNTUK PELABURAN JUGA SEMAKIN SENGIT. OLEH ITU, SAYA SERING MENEKANKAN AGAR PEMBANGUNAN CYBERCITY DAN CYBERCENTRE DIRANCANG DENGAN RAPI, BERDASARKAN KEPADA PENGKHUSUSAN ATAU 'NICHE AREA' TERSENDIRI.

15. SAYA DIFAHAMKAN 'M.S.C. MALAYSIA CYBERCENTRE @ MERU RAYA' AKAN MENGKHUSUS UNTUK MEMBANGUNKAN INDUSTRI-INDUSTRI 'M.I.N.D.' ATAU 'MIND' INDUSTRIES. 'M.I.N.D.' ADALAH SATU AKRONIM DI MANA 'M' MERUJUK KEPADA INDUSTRI 'MULTIMEDIA DAN CREATIVE CONTENT'; 'I' MERUJUK KEPADA INDUSTRI 'I.T. OUTSOURCING'; 'N' MERUJUK KEPADA INDUSTRI 'NEW MEDIA', DAN 'D' MERUJUK KEPADA INDUSTRI 'DESIGN & DEVICE'. DENGAN ITU, SAYA MENGALU-ALUKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERKAITAN DENGAN 'MIND INDUSTRIES' TERSEBUT UNTUK MELABUR DI 'CYBERCENTRE @ MERU RAYA' INI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

16. KINI, 'CYBERCENTRE @ MERU RAYA' TELAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KELUARGA "M.S.C. MALAYSIA". KERAJAAN AKAN MENYOKONG USAHA KERAJAAN NEGERI PERAK UNTUK MEMPROMOSIKAN "CYBERCENTRE @ MERU RAYA" KE PERINGKAT ANTARABANGSA. DENGAN ITU, SAYA BERHARAP AGAR MUTU DAN NAMA BAIK JENAMA 'M.S.C. MALAYSIA' AKAN TERUS DIPELIHARA OLEH SEMUA PIHAK YANG BERKAITAN.

17. AKHIR KATA, SAYA BERHARAP USAHA-USAHA UNTUK MENGGALAKKAN PENGUASAAN I.C.T. DI KALANGAN MASYARAKAT AKAN DAPAT DIPERHEBATKAN LAGI, SUPAYA SETIAP WARGA DAPAT MERAH PELUANG-PELUANG BARU DI DALAM SEKTOR INI. SESUNGGUHNYA, PENGLIBATAN DAN SOKONGAN SAUDARA-SAUDARI DALAM USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA AMATLAH PERLU, DAN AKAN MENENTUKAN SAMA ADA KITA MAMPU MELAKSANAKAN MISI NASIONAL, DAN SETERUSNYA MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU MENJELANG 2020. MARILAH KITA MENDOAKAN SEMOGA 'CYBERCENTRE @ MERU RAYA' INI AKAN BEROLEH RAHMAT DAN PERLINDUNGAN, SERTA DILIMPAHI KEJAYAAN DARI ALLAH S.W.T. JUA.

18. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ 'BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM', SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN M.S.C. MALAYSIA CYBERCENTRE @ MERU RAYA, PERAK.

SEKIAN, TERIMA KASIH.